

# 10

## PENILAIAN FORMATIF MENGGUNAKAN *GLOGSTER*

.....

Rosnidar Arshad, Rozana Zainuri, Siti Fatimah Hassan & Wahidah Abdul Wahid  
Sekolah Rendah Yu Neng

### ABSTRAK

Untuk menghasilkan karangan yang bermutu, murid harus mengatasi kelemahan dari segi dua aspek, iaitu isi dan bahasa. Penilaian formatif dalam bentuk pembelajaran kolaboratif bertujuan untuk mengasah kemahiran murid Darjah 5 dalam kedua-dua aspek ini. Maklum balas diberikan secara konsisten oleh teman dan guru terhadap karangan yang dihasilkan dengan menggunakan *Glogster*. Semua murid didedahkan kepada idea yang berbeza-beza bagi sesuatu tajuk yang diberikan dan hal ini dapat meluaskan jangkauan pemikiran kreatif mereka bagi aspek Isi. Berpandukan rubrik penilaian, setiap penyampaian diberi kritikan membina dari segi penggunaan kosa kata, nahu dan olahan jalan cerita. Hasil kajian yang dijalankan telah membuktikan bahawa kaedah pembelajaran karangan ini mencapai tahap keberkesanan yang tinggi, terutama bagi murid Berkeupayaan Tinggi (HA) dengan pemerolehan peningkatan pencapaian tiga markah atau lebih bagi pascajian berbanding dengan markah yang diperoleh bagi praujian.

### Pengenalan

Karangan merupakan suatu komponen besar kertas peperiksaan Bahasa Melayu dengan timbangan markah sebanyak 20 peratus dalam Peperiksaan Tamat Sekolah Rendah (PSLE). Namun demikian, kemahiran dan keupayaan mengarang dengan baik tidak mudah diterapkan ke dalam diri murid dan masalah pencapaian yang rendah bagi komponen ini dalam kalangan murid amat sukar diatasi. Dalam penulisan karangan, murid perlu memperoleh kemahiran dalam dua aspek penulisan demi mengatasi kelemahan mereka, iaitu aspek isi dan bahasa. Setiap satu aspek ini pula terbahagi kepada kriteria yang berikut:

### *Aspek Isi*

- a) Kepadatan dan kesesuaian kandungan.
- b) Kesinambungan susunan jalan cerita.
- c) Kekreatifan idea cerita.

### *Aspek Bahasa*

- a) Ketepatan penggunaan tanda baca.
- b) Ketepatan mengeja.
- c) Kesesuaian dan kepelbagaian dalam pemilihan kosa kata.
- d) Ketepatan dan kepelbagaian jenis ayat yang digunakan.
- e) Ketepatan nahu dan pembinaan struktur-struktur ayat.

Memandangkan pemberatan yang ditetapkan dalam karangan dalam peperiksaan PSLE sedemikian, penerapan kemahiran yang memenuhi kriteria di atas harus ditekankan dan usaha gigih dijalankan oleh guru yang mengajar murid Darjah 5.

### *Tujuan Kajian*

Kajian ini bertujuan untuk menguji keberkesanan strategi memacu penerapan kemahiran mengarang dalam kalangan murid Darjah 5 melalui pemupukan kemahiran penilaian sendiri dalam bentuk penilaian formatif. Khususnya, kajian ini bertujuan untuk mengukur keberkesanan:

- a) strategi pembelajaran melalui penilaian formatif berterusan dalam bentuk kritikan berkumpulan dalam usaha meningkatkan tahap kemahiran mengarang murid Darjah 5 dari segi isi dan bahasa; dan
- b) penggunaan *Glogster* sebagai alat pengajaran dan pembelajaran melalui penilaian formatif dalam talian.

### *Permasalahan*

Dalam alaf ke-21, wujud pelbagai teknologi yang menyediakan pelbagai wadah bagi pembelajaran sendiri dalam bentuk kolaboratif. Peningkatan keupayaan mengarang hanya dapat dicapai melalui pengasahan kemahiran yang berterusan dan wadah pembelajaran kolaboratif dalam bentuk penilaian formatif. Soalan yang timbul dan perlu dikaji di sini adalah seperti yang berikut:

Dapatkah kritikan secara berkumpulan memberikan impak dalam meningkatkan kemahiran menulis bagi murid Bahasa Melayu Darjah 5?

### **Kajian Lepas**

Strategi yang dipilih untuk dikaji keberkesannya adalah berdasarkan hasil kajian serupa yang dilaksanakan oleh tiga buah pusat pengajian tinggi di Hong Kong dengan hasil kajian yang melaporkan tahap keberkesanan yang amat menggalakkan. Hasil pelbagai kajian yang dijalankan oleh beberapa fakulti di Universiti Hong Kong, Institut Pendidikan Hong Kong dan Universiti Politeknik Hong Kong yang dilaporkan oleh David Carles et. al. (2006) antara lain membuktikan bahawa:

- a) kegiatan melihat dan mengkritik hasil kerja orang lain meningkatkan kesedaran murid akan standard jangkaan dan membina keupayaan mereka menilai hasil kerja sendiri;
- b) keharusan memaparkan hasil kerja di laman *web* menggesa murid menghasilkan tugas yang lebih bermutu;
- c) murid memperoleh maklum balas dari sudut pandangan yang lebih luas kepelbagaiannya berbanding hanya dari sudut pandangan guru, membolehkan murid membuat renungan yang lebih mendalam dalam menghasilkan karangan;
- d) murid bukan sahaja dapat mempelajari tatacara penulisan yang baik daripada teman, malah dapat juga mengelakkan melakukan kesilapan yang dibuat oleh teman sebagaimana yang mereka saksikan; dan
- e) murid dapat meraih lebih banyak manfaat dengan menilai perkara yang disampaikan oleh teman berbanding dengan mendengar dan menyaksikan penyampaian mereka sahaja.

Selain itu, Stephen Bostock, (2006) Pengarah IT bagi Jabatan Sains Komputer dan ketua Unit Perkembangan Pendidikan Universiti Keele di United Kingdom telah mengemukakan bahawa penilaian murid ke atas hasil kerja murid lain, baik secara formatif mahupun sumatif, mempunyai banyak potensi manfaat pembelajaran bagi kedua-dua penilai dan yang dinilai. Kegiatan ini menjana autonomi pembelajaran dan daya pemikiran tinggi. Kelemahannya dapat dielakkan dengan ketanpanamaan, keberbilangan penilai, dan pengendalian guru. Dengan bilangan murid yang besar, pengendalian penilaian teman dapat dibantu oleh teknologi Internet.

Hari Srinivas (2011), penyelia bagi Pusat Kajian Perkembangan Global di Kobe, Jepun, telah mengetengahkan tiga syarat utama dalam memastikan keberkesanan pembelajaran kolaboratif iaitu:

- a) kandungan kumpulan;
- b) ciri-ciri tugas yang diberikan, dan
- c) media perhubungan.

Syarat-syarat ini turut ditekankan oleh Charles R.Graham dan Melanie Misanchuk dalam Roberts (2004) yang mengemukakan tatacara pengendalian interaksi kumpulan sebagai satu cabaran dalam pembelajaran yang melibatkan aktiviti dalam talian.

Berdasarkan dapatan dan rumusan yang dikemukakan, *Glogster* telah dipilih sebagai alat dan wadah perhubungan dalam kajian pembelajaran kolaboratif ini. *Glogster* merupakan alat *Web 2.0* yang berbentuk wadah penulisan yang boleh dihasilkan secara berkumpulan dan membolehkan penilaian formatif dalam bentuk kritikan diberikan sama ada antara anggota kumpulan atau antara anggota satu kumpulan dengan kumpulan yang lain.

### **Kaedah Kajian**

Kajian melibatkan dua kumpulan murid Darjah 5 dengan keupayaan kognitif yang berbeza. Kumpulan Pertama mengandungi 24 orang murid Berkeupayaan Tinggi (HA) dan juga yang Berkeupayaan Sederhana (MA) sementara Kumpulan Kedua mengandungi 24 orang murid Berkeupayaan Sederhana (MA) dan Berkeupayaan Rendah (LA). Kajian yang dijalankan merupakan kajian kuantitatif yang menggunakan instrumen kajian, iaitu praujian, strategi intervensi dan pascaujian.

### *Praujian*

Murid mendengar cerita legenda 'Ramayana' yang disampaikan oleh guru secara ringkas. Murid diberikan tugas melungsur Internet di rumah untuk mendapatkan maklumat lanjut mengenai legenda 'Ramayana'. Pada hari kemudiannya, tugas diberikan dengan pendekatan pengajaran pembezaan. Murid dari Kumpulan Pertama ditugaskan menulis karangan berdasarkan legenda 'Ramayana' yang diubahsuaikan. Murid Kumpulan Kedua pula hanya perlu menulis karangan berdasarkan cerita asal 'Ramayana' sebagaimana yang telah diketahui oleh mereka memandangkan kumpulan ini terdiri daripada murid MA-LA berbanding dengan murid Kumpulan Pertama yang terdiri daripada murid HA-MA. Kedua-dua tugas ini diberikan dalam bentuk ujian individu dan murid dikehendaki menyelesaikan tugas di dalam kelas dalam masa dua waktu pengajaran, iaitu selama satu jam. Hasil karangan murid disemak tetapi penilaian dan maklum balas terhadap kelakonan murid tidak diberikan dahulu.

### *Strategi Intervensi Pertama: Pembelajaran Berasaskan Pengalaman*

Murid dibawa berdarmawisata ke Muzium Negara untuk menjalani Bengkel Menghasilkan Persembahan Wayang Kulit berdasarkan legenda 'Ramayana'. Bengkel ini berlangsung selama tiga jam di muzium tersebut. Murid belajar secara amali membuat patung-patung wayang kulit dan kemudian secara berkumpulan, memainkan peranan dan watak yang telah ditentukan dalam membuat penyampaian wayang kulit babak demi babak. Murid dibimbing oleh seorang pengendali bengkel yang bertauliah. Bengkel ini dijalankan dalam bahasa Inggeris. Melalui aktiviti ini, murid mendalami legenda 'Ramayana' melalui Pembelajaran Berasaskan Pengalaman.

### *Strategi Intervensi Kedua: Pembelajaran Melalui Penilaian Formatif Secara Kolaboratif dengan Penggunaan Glogster*

Murid Kumpulan Pertama diberikan arahan untuk menghasilkan sebuah karangan berdasarkan cerita legenda 'Ramayana' yang telah diubahsuaikan. Karangan harus disiapkan dalam bentuk *Glogster*. Murid mempunyai pengetahuan sedia ada menggunakan *Glogster* kerana sudah pernah menggunakannya dalam menghasilkan karangan yang lain sebelum itu. Murid Kumpulan Kedua diberikan tugas yang serupa tetapi tanpa perlu mengubahsuaikan cerita asal sebagaimana pembezaan tugas yang diberikan bagi kegiatan praujian.

Karangan yang telah dihasilkan dengan penggunaan *Glogster* itu kemudiannya disampaikan oleh kumpulan demi kumpulan di dalam kelas. Semua murid diberikan rubrik penilaian penyampaian berdasarkan isi, bahasa dan gaya penyampaian untuk membantu mereka menilai penyampaian yang dibuat oleh setiap kumpulan. Murid juga diberikan borang catatan dan renungan untuk membantu setiap kumpulan penyampai mencatat maklum balas yang diberikan dan menggunakannya untuk memperbaiki hasil karangan. Memandangkan proses penilaian formatif ini memakan masa yang lama setiap sesi, hanya 3-4 kumpulan sahaja yang dapat membuat penyampaian pada setiap sesi dan murid diarahkan untuk memberikan maklum balas dalam talian di laman *Glogster*. Setiap kumpulan juga harus menggunakan maklum balas yang bernas untuk memperbaiki karangan mereka di laluan itu. Kegiatan pembelajaran kolaboratif melalui penilaian formatif ini memakan masa selama dua minggu. Setiap kumpulan diberi peluang membuat penyampaian sebanyak dua kali demi memastikan maklum balas yang diberikan telah dimanfaatkan


untuk memperbaiki hasil karangan, namun masih terbuka lagi kepada kritikan tambahan yang membina.

### *Pascaujian*


Setelah setiap kumpulan diberikan peluang membuat penyampaian sebanyak dua kali, murid diberikan ujian karangan dengan tajuk yang sama. Kali ini, mereka harus mengarang secara individu dalam masa dua waktu pengajaran, iaitu satu jam, sebagaimana mereka menulis karangan bagi praujian. Karangan yang ditulis kemudiannya diberikan markah oleh guru dan kelakonan murid bagi praujian dan pascaujian kemudiannya dibandingkan.

### Dapatan Kajian

Markah yang diperoleh oleh kedua-dua kumpulan dibandingkan berdasarkan perkiraan Min dan Sisihan Standard. Dapatannya dipaparkan dalam Rajah 1 & 2.



Rajah 1: Perbandingan Min bagi Praujian dan Pascaujian Kumpulan Pertama



Rajah 1: Perbandingan Min bagi Praujian dan Pascaujian Kumpulan Kedua

### *Rumusan Kajian*

Bagi Kumpulan Pertama yang terdiri daripada murid HA-MA, terdapat peningkatan pencapaian dari  $M=7.4$  ke  $M=13.5$  bagi isi dan dari  $M=9.0$  ke  $M=12.5$  bagi bahasa. Hal ini berbanding dengan peningkatan pencapaian Kumpulan Kedua yang terdiri daripada murid-murid MA-LA, dari  $M=12.0$  ke  $M=13.6$  bagi isi dan dari  $M=11.7$  ke  $M=12.7$  bagi bahasa.

Dari segi agregat, semua murid daripada kedua-dua kumpulan HA-MA dan MA-LA ( $N=48$ ) telah menunjukkan peningkatan pencapaian bagi kedua-dua komponen isi dan bahasa, dengan min 9.6 bagi Kumpulan Pertama dan 2.6 markah bagi Kumpulan Kedua.

Dapatan menunjukkan bahawa terdapat peningkatan pencapaian kedua-dua kumpulan. Kumpulan MA-LA telah menunjukkan peningkatan pencapaian dua kali ganda bagi komponen isi dan bahasa. Bagi Kumpulan Kedua, walaupun julat minnya kecil, kaedah ini telah membantu penulisan murid.

## Kesimpulan

Penilaian Formatif dalam bentuk kritikan berkumpulan yang berterusan berkesan dalam usaha meningkatkan kemahiran murid menulis karangan. Namun demikian, tahap peningkatan yang dinikmati masih bergantung kepada keupayaan kognitif semula jadi murid.

Selain itu, meskipun amat bermanfaat, kekerapan pelaksanaan strategi ini amat terbatas memandangkan jumlah masa amat besar yang diperlukan bagi setiap pelaksanaannya. Oleh yang demikian, strategi ini masih terbuka kepada pengubahsuaian demi memperoleh tahap kecekapan yang lebih tinggi dalam pengendalian masa.

## Rujukan

- David Carless, Gordon Joughin, Ngar-Fun Liu and Associates. (2006). *How Assessment Supports Learning: Learning-oriented Assessment in Action*. Hong Kong: Hong Kong University Press.
- Keele University. (2006). *Learning Technology by Stephen Bostock: Student Peer Assessment*. Retrieved March 1, 2011 from [www.keele.ac.uk](http://www.keele.ac.uk).
- The Global Development Research Centre (GDRC). (2010). *The Conditions for Effective Collaborative Learning*. Retrieved March 1, 2011 from <http://www.gdrc.org>.
- Tim S. Roberts. (2004). *Online Collaborative Learning: Theory and Practice*. Hershey: Information Science Publishing.